

# *BAB KELIMA*

## BAB 5

### RUMUSAN DAN SARANAN

#### 5.0 Pendahuluan

Al-Quran diturunkan oleh Allah s.w.t dengan pelbagai keunikan dan keistimewaan. Segala unsur yang diketengahkan oleh al-Quran mempunyai nilai-nilai keunikan tertentu. Antara nilai keunikan yang jelas terdapat di dalam al-Quran adalah keunikan bahasa al-Quran. Keunikan ini terserlah dari pelbagai aspek bahasa Arab. Aspek retorik atau lebih khusus ilmu al-ma'āni adalah aspek yang dapat menjelaskan keunikan bahasa al-Quran. Salah satu perbincangan yang terdapat dalam ilmu ini ialah al-Hadzf atau pengguguran yang membuka ruang yang jelas kepada para pengkaji bahasa al-Quran untuk membongkar keunikan bahasa al-Quran.

Penulis berpendapat mengkaji serta menyimpulkan tujuan dan hikmat yang terdapat dalam beberapa ayat al-Quran yang mempunyai susunan dan struktur yang hampir sama tetapi terdapat pengguguran dalam salah satu ayatnya dapat menjelaskan keunikan bahasa al-Quran. Ini boleh dilihat dari pelbagai bidang samada bahasa Arab atau pengajian Islam.

## 5.1 Rumusan

Beberapa rumusan telah dapat diambil dari perbincangan penulis dalam disertasi ini, antaranya: I'jāz al-Quran adalah suatu ilmu yang membincangkan berhubung keunikan dan ketinggian al-Quran yang dapat melemahkan segala cabaran yang mencabar ketinggian Islam.

Perkembangan ilmu I'jāz al-Quran melibatkan beberapa peringkat perkembangan bermula dari zaman sebelum Islam sehingga ke zaman moden di mana peringkat-peringkat tersebut mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri.

I'jāz al-Quran mempunyai bidang yang sangat luas. Antara bidang yang dikenalpasti oleh para ulamak ialah I'jāz Bahasa, I'jāz perkhabaran ghaib dan akan datang, I'jāz gambaran keindahan, I'jāz Perundangan, I'jaz Bilangan, I'jaz kejiwaan dan I'jāz sains. I'jāz dari segi bahasa adalah antara bidang yang terawal dan terpenting. I'jāz bahasa al-Quran meliputi aspek-aspek berikut :

- a. Aspek al-Bayān al-Qurāniy
- b. Aspek perkataan-perkataan yang digunakan oleh al-Quran.
- c. Aspek Ma'āni al-Quran seperti pendepanan dan pengakhiran , penggunaan partikal penguat , pengguguran kata , susunan ayat al-Quran , gaya bahasa al-Quran , akhiran al-Quran , pemanjangan dan penambahan.

Unsur pengguguran di dalam al-Quran adalah bertepatan dengan kaedah retorik Arab dan nahu Arab. Unsur ini adalah sangat luas dan mempunyai sebab dan hikmat yang tertentu.

Dalam disertasi ini , penulis dapat mengenalpasti keunikan unsur-unsur pengguguran dalam al-Quran yang merujuk secara khusus kepada ayat-ayat al-Quran yang mempunyai susunan dan struktur yang hampir sama , dan di antara ayat-ayat tersebut terdapat pengguguran perkataan.

Melalui kajian ini, penulis dapat menjawap beberapa persoalan yang ditimbulkan, iaitu wujudnya fakta atau kisah yang berulang di dalam al-Quran dan pengulangan adalah suatu yang sia-sia sedangkan al-Quran adalah jauh dari sia-sia.

Penulis dapat menyangkal kenyataan tersebut dengan menyatakan bahawa fakta umum adalah berulang, namun fakta khusus berbeza. Sesungguhnya fakta yang khusus itu mengandungi makna yang tersirat dan ia lebih utama dan penting. Untuk memperolehi fakta yang tersirat ini memerlukan pengkajian yang mendalam dengan merujuk kepada pelbagai bentuk ilmu yang lain.

Ayat yang diulang kerapkali melibatkan pengguguran samada huruf, perkataan, klausu atau ayat. Oleh yang demikian, disertasi ini cuba mengenalpasti fakta yang tersirat atau hikmat disebalik pengguguran tersebut.

Penulis dapat menyimpulkan fakta yang tersirat tersebut atau hikmat pengguguran yang merujuk kepada perkara-perkara berikut :

## **1. Sebab-sebab turun ayat.**

Himat pengguguran dan penyebutan perkataan merujuk kepada sebab-sebab turun ayat. Pengguguran perkataan tertentu dalam ayat-ayat yang hampir sama susunannya bertujuan membezakan sebab turun ayat atau kepada siapa ayat tersebut ditujukan. Umpamanya dalam contoh berikut:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمُ الْأَنْذِرُ قَمَّ أَمْ لَمْ تَنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ( surah al-Baqarah:6)

وَسَوَاءٌ عَلَيْهِمُ الْأَنْذِرُ قَمَّ أَمْ لَمْ تَنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ( surah Yāsin:10)

Pengguguran dan penyebutan ayat-ayat ini berpunca dari sebab turun ayat atau kepada siapa ayat tersebut diturunkan. Penyebutan ayat إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا (surah al-Baqarah:6) dalam ayat pertama untuk menyatakan bahawa ayat tersebut ditujukan kepada golongan tertentu, iaitu golongan Yahudi. Manakala penggugurnya dalam ayat kedua untuk menyatakan bahawa ayat tersebut adalah umum ditujukan kepada semua hamba Allah s.w.t.

## **2. Konteks perbincangan ayat.**

Pengguguran dan penyebutan juga merujuk kepada konteks perbincangan ayat dengan merujuk kepada beberapa bidang pengajian Islam yang lain seperti sejarah, feqah dan lain-lain seperti yang tersebut dalam analisis 3 (halaman:82 ).

Pengguguran perkataan رَسُولُهُ untuk menyatakan bahawa fokus perbincangan

adalah tentang orang-orang Arab manakala penyebutannya pula merujuk kepada orang-orang Yahudi.

### **3. Perkaitan dengan ilmu al-Ma'āni.**

Pengkaedahan secara deduktif yang dicetuskan oleh para sarjana retorik Arab juga menjadi sebab dan hikmat pengguguran ayat atau lafaz. Penggunaan kaedah tersebut dalam ayat-ayat al-Quran selari dengan maksud yang hendak disampaikan oleh ayat-ayat tersebut.(rujuk analisis 5 di halaman: 87 )

### **4. Fungsi partikel penguat**

Kepelbagaiannya kaedah penggunaan partikel penguat mempunyai kaitan yang rapat dengan hikmat dan sebab pengguguran. Terdapat banyak ayat-ayat al-Quran yang sama tetapi digugurkan partikel penguat dalam salah satu ayat tersebut (lihat analisis 7 , 8 , 10 , 14 , di halaman:92, 94, 98, 106 ). Keunikan pengguguran dan penyebutan partikel penguat dalam al-Quran boleh dilihat dari pelbagai aspek khususnya apabila dilihat dari konteks kepada siapa ayat tersebut diturunkan.

### **5. Perkaitan ayat-ayat yang sebelum dengan ayat-ayat yang selepasnya.**

Pengguguran dan penyebutan perkataan juga berpunca dari penggunaannya atau penggugurnya dalam ayat-ayat yang sebelum atau yang

selepasnya. Contohnya pengguguran partikel <sup>مِنْ</sup> (lihat analisis 13 di halaman:104 ) kerana ia telah disebut dalam ayat-ayat yang sebelumnya.

#### **6. Mewujudkan rentak bacaan.**

Antara keunikan yang terdapat di dalam al-Quran ialah rentak bacaan yang indah dan menarik. Pengguguran dan penyebutan sesuatu perkataan dalam ayat yang hampir sama bertujuan mewujudkan rentak bacaan di mana jika ia dibaca sebaliknya maka rentak bacaan akan berubah. Ini dapat dirasai melalui perasaan dan pendengaran pembaca atau apa yang diistilahkan sebagai <sup>ذوق</sup> atau citarasa

(lihat analisis 15 , 16 di halaman: 109, 111 ).

#### **7. Perkhabaran yang ringkas atau detail.**

Berdasarkan pengamatan penulis , perkhabaran atau kisah yang ringkas atau detail adalah dengan sebab berlakunya pengguguran dan penyebutan. Ayat yang mempunyai kisah yang ringkas akan digugurkan perkataannya manakala ayat yang mempunyai kisah yang detail dan panjang akan disebut perkataan tertentu seperti contoh berikut :

مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ (surah al-Kahf: 17)

مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ (surah al-A'rāf: 178)

Dalam ayat pertama, huruf yā' (ياءً) di gugurkan pada perkatan kerana cerita dan kisah tentang sesuatu perkara di dalamnya lebih ringkas berbanding kisah yang terdapat dalam ayat yang kedua.

#### 8. al-Faṣl wa al-Waṣl (Pemisahan dan penyambungan ayat).

Al-Faṣl wa al-Waṣl merujuk kepada makna yang terdapat dalam penggunaan huruf waw ، yang bermakna 'dan' yang berfungsi sebagai partikal عَلَى . Di dalam disertasi ini, terdapat 3 analisis (Analisis 27 , 28 , 38 di halaman:130, 133, 151 ) yang melibatkan al-fasl wa al-wasl. Penggunaan huruf waw ، dalam al-Quran mempunyai keunikan yang tersendiri di mana penggunaan huruf tersebut mengandungi makna-makna tertentu. Penggunaan dan penyebutan huruf tersebut dalam al-Quran adalah selari dengan kaedah al-faṣl wa al-wasl.

#### 9. Ism Ma'rifah dan Nakirah (النَّكِرَةُ وَ الْمَعْرِفَةُ ) (definite dan indefinite noun)

Hikmat pengguguran juga merujuk kepada perbincangan berhubung dengan konsep nama am dan nama khas (النَّكِرَةُ وَ الْمَعْرِفَةُ ). Dalam disertasi ini, fokus tertumpu kepada pengguguran alif lām (الـ). Pengguguran alif lām (الـ) dalam ayat-ayat al-Quran yang hampir sama bertepatan dengan kaedah-kaedah

( التَّكْرِيْةُ وَ الْمَعْرِفَةُ ) yang terdapat dalam perbincangan ism Ma'rifah dan Nakirah

samada dari sudut nahu atau retorik (Lihat analisis 21 , 22 di halaman:119, 121 ).

#### **10. Perkaitan dengan ilmu nahu Arab.**

Penyesuaian dengan ilmu nahu Arab juga adalah antara sebab pengguguran. Nahu Arab terbina atas sumber-sumber yang jelas, iaitu al-Quran, Hadis Nabi Muhammad s.a.w dan teks Arab itu sendiri samada syair atau prosa. Penggunaan nahu Arab di dalam al-Quran bertepatan dan selari dengan penggunaan yang terdapat di dalam ungkapan Arab. Lebih jelas lagi apabila ia melibatkan pengguguran dalam salah satu dari dua ayat yang hampir sama seperti yang terdapat di dalam analisis 37 di halaman :149 .

#### **11. Membuka ruang ijтиhad.**

Penulis juga berpendapat sebab pengguguran dan penyebutan bertujuan membuka ruang ijтиhad fiqhi. Pengguguran sesuatu perkataan akan melibatkan perubahan atau perluasan makna. Contohnya penyebutan perkataan <sup>مُنْتَهٰ</sup> dalam analisis 17 di halaman : 113 yang menyebabkan konsep tayamum menjadi lebih luas.

## **12. Penggunaan yang sama dan menyeluruh.**

Gaya penggunaan yang sama dan menyeluruh terhadap sesuatu konteks adalah antara sebab pengguguran dan penyebutan. Contohnya dalam analisis 38 di halaman : 151 , di mana pengguguran partikel waw ( ؟ ) adalah melibatkan seluruh ayat yang mempunyai makna syarat sebelumnya dan penyebutannya pula melibatkan ayat yang tiada makna syarat.

## **13. Unsur qirā'at.**

Pengguguran dan penyebutan sesuatu lafaz juga melibatkan perbezaan qira'at atau bacaan. Keunikan al-Quran mempunyai perbezaan bacaan yang membawa makna yang tertentu dan mendalam.

## **14. Gaya bahasa yang digunakan**

Berdasarkan pengamatan penulis hikmat pengguguran juga merujuk kepada gaya bahasa yang berbeza berdasarkan suasana tertentu. Contohnya, dalam analisis 34 di halaman: 144, suasana perbualan menjadi sebab penyebutan perkataan **نَكِمَةٌ** dalam ayat surah al-Fath: 11.

## **15. Kepelbagaiannya makna perkataan.**

Terdapat perkataan bahasa Arab yang sama tetapi mempunyai makna yang berlainan. Contohnya dalam analisis 27 di halaman: 130, perkataan <sup>وَمُسْحِرُونَ</sup> المُسْحِرُونَ mempunyai dua makna, iaitu pertama: mereka yang memerlukan makanan dan kedua: mereka yang disihir. Perbezaan makna tersebut membawa kepada pengguguran huruf waw dalam ayat surah al-Syu'a'rā'.

Di samping itu, sebab-sebab dan hikmat pengguguran dan penyebutan yang diperbincangkan dalam disertasi ini dapat digunakan dan dikembangkan oleh para pendakwah dalam misi dakwah mereka dengan menjelaskan kepada masyarakat akan keunikan bahasa al-Quran. Selain itu, ia juga boleh diaplikasikan dalam bentuk penjelasan kepada mereka yang mengatakan bahawa al-Quran menyampaikan sesuatu yang berulang tanpa sebarang sebab dan hikmat .

Pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab khususnya retorik Arab dapat dikemaskin melalui hubungannya dengan keindahan dan keunikan bahasa al-Quran.

Keindahan dan keunikan bahasa al-Quran menjadikan bahasa Arab tidak terbatas kepentingannya untuk memahami ajaran al-Quran dan ajaran agama Islam sahaja bahkan lebih dari itu ia juga merupakan bahasa ilmu dan ketemadunan.

Disertasi ini adalah sebahagian kecil dari perbincangan keunikan unsur pengguguran di dalam al-Quran. Sesungguhnya terdapat banyak lagi unsur pengguguran di dalam al-Quran yang boleh diketengahkan dan diperbincangkan.

### **5.3 Saranan**

Bertitiktolak dari perbincangan yang terdapat dalam disertasi ini , penulis mencadangkan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab khususnya Balaghah Arab agar dapat melaksanakan aspek-aspek berikut :

1. Memperbanyakkan contoh-contoh dari al-Quran dalam memberi penjelasan kepada para pelajar. Ini kerana contoh-contoh dari al-Quran lebih dekat dan mudah difahami oleh pelajar.
2. Membuat penggabungjalinan antara pengajian al-Quran dan Sunnah dengan pengajian retorik dan tatabahasa Arab.
3. Mencetuskan pelbagai idea yang lain dalam mencungkil keunikan al-Quran khususnya dari aspek bahasa.
4. Umat Islam di Malaysia perlu menyedari akan kepentingan bahasa Arab seterusnya mengambil inisiatif untuk memahami bahasa Arab yang menambahkan kefahaman mendalam terhadap al-Quran.

- 5. Menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam mempelajari aspek-aspek retorik dan nahu Arab.**
- 6. Memperbanyakkan penjelasan berhubung keunikan al-Quran melalui media cetak dan media elektronik seperti tv , komputer dan lain-lain.**
- 7. Memperkenalkan matapelajaran khusus tentang keunikan bahasa al-Quran di pusat-pusat pengajian tinggi, terutamanya yang berkaitan dengan bentuk-bentuk pengguguran di dalam al-Quran dan keunikannya.**
- 8. Memperbanyakkan koleksi buku-buku rujukan yang berkaitan dengan keunikan al-Quran khususnya keunikan bahasa al-Quran.**
- 9. Kurikulum atau matapelajaran agama hendaklah dihubungkan dengan al-Quran. Ini kerana kandungan al-Quran meliputi pelbagai cabang ilmu seperti matematik , geografi , bahasa dan lain-lain.**
- 10. Pengajaran ilmu nahu perlulah dikupas dari segi makna yang terdapat di dalam al-Quran.**
- 11. Contoh-contoh serta analisis yang telah dibincangkan dalam disertasi ini boleh dikembangkan dan diaplikasikan dalam pengajaran retorik Arab.**

## 5.4 Penutup

Sesungguhnya al-Quran adalah kalam Allah yang diturunkan dengan keunikan dan kemukjizatan. Antara keunikan al-Quran adalah keunikan bahasa al-Quran. Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab yang diakui oleh para pujangga Arab dulu dan kini sebagai bahasa yang tertinggi dari segala segi, ini bertepatan dengan firman Allah :

نَزَّلَ بِهِ رُوحُ الْأَمِينِ \* يُلِسِّنُ عَرَبَيِّيْ مُبِينِ

*Maksudnya : (Al-Quran itu) diturunkan oleh malaikat Jibril \* Dan ia diturunkan dalam bahasa Arab yang nyata. (al-Syu'arā` :194-195 )*

Dalam usaha mencungkil keunikan bahasa al-Quran, ia memerlukan pengamatan yang mendalam. Tidak dinafikan bahawa perbincangan berhubung keunikan bahasa al-Quran adalah sangat luas. Justeru itu, bagi menjelaskan semua keunikan bahasa al-Quran dalam satu disertasi yang terhad ini adalah tidak memadai. Oleh yang demikian, penulis memilih satu tajuk yang berkaitan dengan pengguguran dalam dua ayat yang hampir sama susunannya sebagai sample kajian. Penulis amat berkeyakinan bahawa aspek tersebut dapat menjelaskan serba sedikit tentang keunikan bahasa al-Quran.

Di dalam disertasi ini, Penulis telah cuba membincangkan tentang sebab dan hikmat kesan dari wujudnya unsur pengguguran tersebut di dalam al-Quran. Ini dilakukan dengan merujuk kepada pandangan-pandangan serta cetusan pendapat ahli-ahli bahasa dan ahli-ahli tafsir terdahulu dan kini.

Di sampung itu , penulis juga telah membincangkan secara ringkas sebagai pembuka bicara berhubung keunikan al-Quran secara umum dan aspek pengguguran dari perspektif retorik Arab.

Akhirnya, penulis berharap agar usaha ini dapat dikembangkan oleh pengkaji-pengkaji lain dalam usaha memartabatkan bahasa al-Quran.